



مناریق

MENARIK

Jihad Bukan
Peperangan Semata

6

Iman dan Istiqamah

8

Kenapa Palestin Penting
Bagi Umat Islam

12

IMRAS DR
DUBAWAH





Kalam Menteri Besar

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan Kami menyatakan kepada Bani Israil dalam Kitab itu: "Sesungguhnya kamu akan melakukan kerosakan di bumi (Palestin) dua kali, dan sesungguhnya kamu akan berlaku sombang angkuh dengan melampau. Maka apabila sampai masa janji (membalas kederhakaan kamu) kali yang pertama dari dua (kederhakaan) itu, Kami datangkan kepada kamu hamba-hamba Kami yang kuat gagah dan amat ganas serangannya lalu mereka menjelajah di segala ceruk rantau (membunuh dan membina sakanan kamu); dan (sebenarnya peristiwa itu) adalah satu janji yang tetap berlaku." [al-Isra': 4-5]

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin limpah kurniaNya Buletin IPTG Bil.13/1445H/2023 dapat diterbitkan. Terima kasih diucapkan khususnya kepada pasukan sidang redaksi yang bertungkus lumus sehingga berjayanya menerbitkan buletin edisi kali ini.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) kerana telah berjaya memberi kerjasama dan komitmen sepenuhnya kepada kerajaan Negeri Kelantan sepanjang tahun ini. Tinggi harapan saya agar kerjasama dan komitmen daripada semua kakitangan IPTG dapat diteruskan dan ditingkatkan lagi pada tahun 2024.

Sesungguhnya tahun 2024 akan datang ini pasti lebih mencabar bagi semua penjawat awam dan semua Urus Setia Kerajaan Negeri dan Pusat dalam memastikan visi dan misi organisasi tercapai. Tahun ini merupakan tahun ke-33 pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan ditunjangi oleh dasar Membangun Bersama Islam. Ini merupakan anugerah oleh Allah SWT kepada seluruh rakyat Kelantan dalam meletakkan Islam sebagai al-Din di kedudukan yang paling tinggi. Hasrat saya amatlah besar agar pengembangan dasar Membangun Bersama Islam ini diteruskan lagi oleh IPTG menerusi aktiviti-aktiviti dan program-program yang bakal dilaksanakan pada tahun hadapan; Insya-Allah.

Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan dan kejayaan kepada semua warga IPTG. Semoga segala usaha yang dilakukan ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2024 kepada semua rakyat khususnya rakyat Kelantan. Semoga tahun baharu ini menjadi tahun yang lebih baik dari tahun sebelumnya buat kita semua.

ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

Sekian, Terima Kasih. Wassalam

YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud
Menteri Besar Kelantan



Kata Penerbit

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi." [al-An'am :165]

Saya merafakkan puji dan syukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat, keluarga serta seluruh pengikut baginda kerana dengan izin dan limpah rahmatNya; Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dapat meneruskan usaha menerbitkan Buletin IPTG pada kali ini (Bil.13/1445H/2023) dengan jayanya.

Alhamdulillah juga kerana dengan izinnya kita berjaya mengharungi suku terakhir tahun 2023. Pelbagai program yang dirancang telah berjaya kita laksanakan. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan pencapaian ini. Saya juga amat mengharapkan komitmen dan kejituuan semangat warga IPTG sentiasa berada pada tahap terbaik dalam melaksanakan perancangan dan sasaran untuk merealisasikan visi dan misi IPTG.

Buletin edisi kali ini memaparkan aktiviti-aktiviti dan program-program yang telah berjaya dilaksanakan oleh IPTG sepanjang bulan Oktober sehingga Disember 2023. Setinggi-tinggi tahniah kepada warga kerja IPTG yang bertungkus- lumus menjayakan dua program yang berimpak besar iaitu program "**Kursus Penerapan Kefahaman UMI Siri II**" dan "**Majlis Aspresiasi 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Pelancaran Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam**".

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha untuk menjayakan penerbitan buletin kali ini. Harapan saya amatlah besar semoga buletin ini menjadi wadah untuk berkongsi pelbagai maklumat semasa dan terkini IPTG dan memberi manfaat kepada semua. Semoga Allah SWT menerima, memberkati amalan serta memasukkan kita semua dalam kalangan orang-orang beriman dan berjaya.

Sekian, terima kasih. Wassalam

Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Bin Mat
Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

SIDANG REDAKSI

5

Doa Mukmin

6

Jihad Bukan Peperangan Semata

8

Sebarkan Sunnah:
Iman & Istiqamah

9

Berita@Info

12

Kenapa Palestin Penting
Bagi Umat Islam

ISI KANDUNGAN

Fakta Mengenai Masjid
Al-Aqsa

13

Kapsul Figura:
Tazkirah Tok Guru

14

Qanaah Peribadi Muslim

15

Pesan Tok Guru

17

Lensa

18

PENAUNG

YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd
Nassuruddin bin Haji Daud

PENASIHAT KHAS

YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin
Yakob

PENASIHAT

YBhg Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari bin Mat

PENYELARAS

Ustaz Zulkipli bin Mat Yusof

PENOLONG PENYELARAS

Mohd Hafizi bin Mahadi

KETUA PENGARANG

Nurliyana binti Ahmed

SIDANG PENGARANG

Norshafinaz binti Nazaruddin

EDITOR

Ahmad Fathi bin Yusof
Nabil Abqari bin Zuhaidi
Siti Nur Amirah binti Fauzi

ARTIKEL

Nurliyana binti Ahmed
Norshafinaz binti Nazaruddin
Anis Nadhirah binti Azhar
Nur Syazana Athirah binti Izazi

JURUFOTO

Muhammad Khairul Naim bin Jazli

PROMOSI/ IKLAN/GRAFIK

Wan Muhammad Faizat bin Wan Mohd Sanusi

ALAMAT SURAT MENYURAT

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan Negeri
Kelantan,
Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan.

DOA Keamanan NEGARA / NEGERI

رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ
آمَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Maksudnya:

"Wahai Tuhanku! Jadikanlah negeri ini negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan pada hari akhirat di antara mereka". [al-Baqarah: 126]

Doa ini pernah diamalkan oleh Nabi Ibrahim AS ketika baginda memohon keamanan terhadap kota Makkah. Dalam sejarah, Nabi Ibrahim AS pernah beberapa kali berpindah tempat tinggal; bermula dari Iraq kemudian baginda berpindah ke Syria dan Palestin dan terakhir ke Makkah. Ketika di Makkah, Nabi Ibrahim AS berasa bahagia dan mendapat pelbagai nikmat yang tidak didapatkan di tempat lain. Jadi, tidak hairanlah jika Nabi Ibrahim AS sangat mencintai Makkah. Rasa cinta itu dibuktikan oleh baginda dengan selalu berdoa untuk Makkah dan memohon agar negerinya menjadi aman dan penduduknya hidup makmur serta dipenuhi oleh orang-orang yang beriman.

Antara kelebihan doa ini:

01

Memperoleh keamanan negeri serta dijauhi daripada segala bencana.

Memiliki kehidupan yang bahagia dan aman merupakan idaman bagi setiap muslim serta seluruh umat manusia. Oleh itu, kita harus sentiasa memohon segala kebaikan daripada Allah SWT yang Maha Esa agar mendapat kehidupan yang aman dan tenteram serta dijauhkan dari segala keburukan seperti bencana dan musibah.

02

Diberikan keselamatan dan terhindar daripada bahaya di sesuatu tempat.

Kita disarankan untuk mengamalkan doa ini bagi melindungi diri dari bahaya dan kejahatan yang ada di sesuatu tempat.

03

Dilindungi daripada sihir dan syirik.

Dari sekalian banyak permintaan manusia di dunia ini, Allah SWT menganjurkan agar mereka memohon perlindungan kepadaNya dari segala keburukan seperti sihir. Hal ini kerana tidak ada sesuatu pun yang dapat memberi mudarat ataupun manfaat melainkan kesemuanya berlaku dengan izin Allah SWT.

Jihad adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab iaitu *jahada*, *yajhadu*, dan *jahdan*. Menurut istilah, jihad bermaksud berusaha gigih untuk menegakkan sebuah masyarakat Islam dan meletakkan kalimah Allah di tempat yang tertinggi seterusnya membawa syariat Allah untuk memimpin seluruh alam. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya: "Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah SWT dengan jihad yang sebenar-benarnya." [al-Hajj: 78]

Terdapat tiga bahagian atau peringkat dalam jihad:

1 Jihad melawan nafsu.

Jihad melawan nafsu adalah perkara yang perlu diambil berat oleh setiap orang terutama umat Islam. Hal ini kerana ianya jihad untuk mengawal diri dari dikuasai oleh hawa nafsu. Antara cara untuk berjihad melawan nafsu ialah:

1.1 Jihad melawan nafsu untuk mempelajari ilmu dan agama yang benar. Tiada kejayaan dan kebahagiaan hakiki dalam kehidupan melainkan dengan ilmu. Apabila ilmu yang wajib dipelajari tidak berada dalam jiwa, maka seseorang itu telah menempah kecelakaan di dunia dan di akhirat.

1.2 Jihad terhadap diri sendiri supaya dapat beramal dengan ilmu yang diperoleh. Apabila seseorang itu tidak mengamalkannya, maka ilmu yang diperolehi itu hanyalah menjadi ilmu memberi manfaat kepada dirinya.

1.3 Jihad untuk menyampaikan ilmu kepada mereka yang jahil. Jika tidak berbuat demikian, seseorang itu akan termasuk dalam golongan yang menyembunyikan ilmu. Ilmunya tidak memberi manfaat kepada dirinya serta orang lain dan tidak menyelamatkannya daripada azab api neraka.

1.4 Jihad melawan nafsu untuk bersabar menanggung beban dakwah dan cercaan manusia. Mereka inilah golongan yang mulia di sisi penduduk langit.

**JIHAD
BUKAN
PEPERANGAN**



2**Jihad melawan syaitan.**

Jihad melawan syaitan pula bermaksud membuang segala kebimbangan dan keraguan yang dilemparkan oleh syaitan kepada manusia bagi merosakkan akidah dan iman mereka. Hal ini kerana syaitan telah memohon kepada Allah SWT untuk mengoda umat manusia. Sebagai contoh, syaitan menyerang manusia dengan tipu daya seperti mendorong melakukan amalan syirik kepada Allah SWT, melakukan perbuatan maksiat dan sebagainya.

3**Jihad melawan musuh yang jelas.**

Jihad melawan musuh yang jelas iaitu melawan orang kufur dan munafik. Hal ini jelas disebut di dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan kalau Kami kehendaki, tentulah Kami utuskan dalam tiap-tiap negeri, seorang Rasul pemberi amaran. Oleh itu, janganlah engkau (Wahai Rasulullah) menurut kehendak orang-orang kafir, dan berjuanglah dengan hujah-hujah al-Quran menghadapi mereka dengan perjuangan yang besar dan bersungguh-sungguh.” [al-Furqan: 51-52]

Jihad menentang golongan kufur ada empat peringkat iaitu jihad dengan hati, lidah, harta dan jiwa mengikut keadaan dan kadar penentangan mereka. Manakala jihad terhadap golongan munafik lebih kepada menjelaskan dakwah. Hal ini sepetimana yang disabdarkan Rasulullah SAW:

“Mujahid adalah orang yang berjihad melawan hawa nafsunya kerana mentaati Allah SWT.” (Riwayat Ahmad)

Kesimpulannya, jihad bukan sahaja dertiakan sebagai peperangan semata-mata bahkan lebih luas pengertiannya. Seharusnya, setiap muslim melalui dan melaksanakan setiap tingkatan jihad mengikut kemampuan diri masing-masing bermula dengan memperbaiki diri iaitu jihad melawan nafsu, jihad melawan syaitan dan jihad menentang musuh yang nyata. Justeru, Islam tidak sekali-kali mensyariatkan peperangan kecuali apabila keadaan memerlukan demi mempertahankan Islam dan umatnya. Hal ini amat penting untuk diketahui bagi membentulkan salah faham terhadap konsep jihad

IMAN & ISTIQAMAH

عَنْ سُفِيَّانَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ التَّقَفِيِّ، قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قُلْ لِي فِي
الإِسْلَامِ قَوْلًا لَا أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا بَعْدَكَ قَالَ "قُلْ آمَنْتُ بِاللَّهِ فَاسْتَقِمْ"

Maksudnya:

Daripada Sufian ibn Abdullah al-Tsaqafi R.A. beliau berkata: Aku berkata: Wahai Rasulullah! Ajarkan untukku dalam Islam suatu ucapan yang aku tidak perlu lagi bertanya kepada orang lain selainmu. Baginda bersabda: "Ucapkanlah; Aku beriman kepada Allah. Kemudian hendaklah engkau beristiqamah." (Riwayat Muslim)

Makna iman yang sebenar ialah membenarkan dengan hati, menyatakan dengan lisan, dan melaksanakan dengan anggota badan. Dengan kata lain, orang yang beriman ialah orang yang mempercayai, mengakui dan mengamalkan dengan amalannya.

Istiqamah pula adalah melakukan sesuatu perkara atau amalan secara berterusan sama ada dalam kuantiti yang sedikit atau banyak. Sifat istiqamah ini adalah sangat mulia kerana amalan yang sedikit dilakukan dengan berterusan adalah lebih baik daripada amalan dalam kuantiti yang banyak tetapi tidak dilakukan secara berterusan.

Pengajaran hadis

- 1** Hadis ini menuntut seseorang mukmin untuk sentiasa mengambil berat soal keimanan, tauhid dan akidahnya; selalu memperbaharui imannya kepada Allah SWT, seterusnya beristiqamah dalam menunaikan tuntutan iman tersebut.
- 2** Istiqamah bererti berterusan melalui suatu jalan yang lurus, jitu dan tepat. Istiqamah dalam menunaikan tuntutan iman adalah suatu jihad. Antara bentuk istiqamah adalah berlitzam (benar iktikad, lisan dan perbuatan) dengan ajaran Islam yang sebenar.
- 3** Hadis ini juga menggesa supaya segala kebaikan atau amalan termasuk pekerjaan dan perkhidmatan dilakukan secara istiqamah supaya dapat menghindarkan daripada segala sifat-sifat mazmumah seperti malas, putus asa serta mudah luntur semangat. Hal ini kerana ia boleh menafikan maksud dan matlamat istiqamah.



Kursus PENERAPAN KEFAHAMAN

'UBUDIYYAH, MAS'ULIYYAH & ITQAN

SIRI II

Kursus tiga hari dua malam ini telah dilaksanakan pada 18-20 Rabiul Awal 1445H bersamaan 04-06 Oktober 2023 (Rabu-Jumaat) bertempat di Adena Beach Resort, Kuantan, Pahang. Kursus ini melibatkan 60 orang kakitangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Kumpulan Perladangan PKINK Berhad (KPPB). Program ini adalah anjuran PKINK dengan kerjasama IPTG.



Majlis


Apresiasi 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri & Pelancaran Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam

Majlis Apresiasi 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Pelancaran Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam yang telah diadakan pada 07 Disember 2023 bersamaan 23 Jamadil Awal 1445H di Dewan Bunga Teratai, Kota Darul Naim.

Majlis ini telah dihadiri oleh YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud; Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan; Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Ya'kob; Mantan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Kaya Setia Dato' Haji Nazran bin Muhammad; Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Negeri Kelantan, Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta Ketua-ketua Jajahan.

Dalam tempoh 100 hari dibawah pemerintahan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud, Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat antaranya melaksanakan 7 agenda utama yang telah dinyatakan dalam Amanat Khas pada 07 September yang lalu. Bagi melangkah ke dalam era Penghayatan Membangun Bersama Islam ini, YAB Menteri Besar Kelantan telah menggariskan tiga fasa untuk kita sama-sama usahakan dalam tempoh 10 tahun akan datang iaitu fasa pertama, fasa pemacu strategi, fasa kedua, fasa kemampanan strategi dan fasa ketiga, fasa peneguhan visi. Kesemua fasa ini terkandung dalam Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).





Dokumen induk ini akan melibatkan 19 'Kuasa Penggerak' yang dirangkumkan dalam empat 'Kelompok Faktor' iaitu Faktor Kepimpinan, Faktor Pengurusan Sumber, Faktor Pengurusan Alam Sekitar Lestari dan Teknologi dan Faktor Pengurusan Strategi. Kesemua 19 Kuasa Penggerak ini akan digerakkan berdasarkan prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagaimana yang disebut oleh Imam Ghazali:

**وَمَقْصُودُ الشَّرْعِ مِنْ الْخَلْقِ خَمْسَةٌ : وَهُوَ أَنْ يَحْفَظَ عَلَيْهِمْ
دِينَهُمْ وَنَفْسَهُمْ وَعَقْلَهُمْ وَنَسْلَهُمْ وَمَالَهُمْ**

Maksudnya: Dan tujuan Syariat itu ada lima, iaitu: Untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka

Oleh yang demikian, pelaksanaan ketiga-tiga fasa ini akan melahirkan dua natijah akhir iaitu natijah pertama, sokongan rakyat terhadap aspirasi kepimpinan yang akan memberi kekuatan kepada pimpinan untuk melaksanakan perubahan dan memajukan rakyat Kelantan. Natijah kedua ialah kebersamaan rakyat. Budaya kebersamaan ini melibatkan kerjasama aktif antara masyarakat dan pihak berkuasa untuk memastikan keperluan asas dan kebajikan rakyat terjamin.



Dokumen induk PMBI ini akan mengikat setiap dasar, perancangan pembangunan, program dan aktiviti Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan. Dokumen induk ini juga akan menjadi asas kepada pembentukan Pelan Strategik Penghayatan Membangun Bersama Islam yang akan diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik Pejabat Menteri Besar.

Akhir kata, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud berharap agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan dapat menghayati dokumen induk ini dan melaksanakannya dengan sepenuh upaya dalam bidang kuasa masing-masing.



Palestine adalah sebuah negara yang mempunyai banyak kepentingan dalam kalangan umat Islam. Bumi Palestine telah diceroboh secara berterusan dari dulu hingga kini. Saudara seislam kita yang berada di sana telah menderita setelah sekian lama. Namun pencerobohan yang terjadi kini adalah yang paling dahsyat. Sebagai seorang Muslim, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk bersolidariti, berdoa dan memberikan bantuan untuk saudara-saudara kita di sana. Hal ini berdasarkan hadis dari Nu'man bin Basir dia berkata: Rasulullah SAW bersabda:

"Perumpamaan orang-orang yang beriman dalam hubungan saling mencintai, saling menyantuni sesama mereka adalah seperti satu tubuh. Apabila satu bahagian dari tubuh itu menderita sakit, maka seluruh badan turut merasakannya." (Riwayat Muslim)

01 PALESTIN ADALAH TEMPAT TERLETAKNYA MASJID SUCI YANG KETIGA DALAM ISLAM

Masjidil Haram di Mekah

Masjid Nabawi di Madinah

Masjid Al-Aqsa di Jerusalam

Bumi Palestine dianggap suci dan diberkati kerana terdapatnya Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis. Ianya merupakan masjid yang ketiga paling suci bagi orang Islam setelah Masjidil Haram di Mekah dan Masjid Nabawi di Madinah. Sesiaapa yang bersolat di masjid ini akan mendapat 500 ganjaran pahala.

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَضْلُ الصَّلَاةِ فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ عَلَىٰ غَيْرِهِ مِائَةُ أَفْ صَلَاةٍ، وَفِي مَسْجِدِي أَلْفٌ صَلَاةٍ، وَفِي مَسْجِدِ بَيْتِ الْمَقْبُسِ خَمْسِينَةُ صَلَاةٍ

Maksudnya: Abu Darda' RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Kelebihan solat di Masjidil Haram adalah dikurniakan 100,000 ganjaran pahala melebihi solat di tempat lain, solat di masjidku (Masjid Nabawi) dikurniakan dengan 1,000 ganjaran pahala dan solat di Masjid al-Aqsa dikurniakan dengan 500 ganjaran pahala." (Riwayat Baihaqi)

02 MASJID AL-AQSA ADALAH KIBLAT PERTAMA ORANG ISLAM

Pada peringkat awal Islam, umat Islam menjadikan Masjid al-Aqsa sebagai kiblat solat sebelum berpindah arah ke Masjidil Haram. Nabi Muhammad SAW solat menghadap ke arah tersebut kira-kira tujuh belas bulan. Oleh itu, Masjid al-Aqsa merupakan sebuah masjid yang menjadi kiblat pertama untuk orang Islam.

03 LOKASI PERJALANAN NABI MUHAMMAD SAW DALAM PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ

Bumi Palestine adalah tempat berlakunya peristiwa Israk (Perjalanan Malam). Israk adalah perjalanan Nabi Muhammad SAW dari Masjidil Haram di Mekah ke Baitul Maqdis di Palestin. Manakala Mikraj pula merujuk kepada perjalanan Nabi melakukan pengembalaan malam yang penuh keajaiban merentas tujuh lapis langit hingga ke Sidratul Muntaha.

04 ALLAH SWT MENGGELARKAN MASJID AL-AQSA DI PALESTIN 'TANAH SUCI' DAN 'NEGERI YANG DIBERKATI'

Palestine merupakan tanah yang diberkati dan suci untuk umat Islam. Dalam al-Quran Allah SWT menggelarkan Masjid al-Aqsa di Palestine sebagai 'Tanah Suci' dan 'Negeri Yang Diberkati'. Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestine), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (al-Isra':1)

05 BUMI PARA NABI


Ramai dalam kalangan para nabi yang disebut di dalam al-Quran; telah dilahirkan, dibesarkan dan disemadikan di bumi ini. Antaranya adalah Nabi Ibrahim AS, Nabi Luth AS, Nabi Ya'qub AS, Nabi Musa AS dan Nabi 'Isa AS. Hal ini menjadi bukti bahawa bumi Palestine ini sememangnya penting dalam sejarah umat Islam.

FAKTA Mengenai MASJID AL-AQSA




MASJID AL-AQSA

bukan hanya satu masjid dan bukan juga sebuah bangunan bahkan ianya merupakan kawasan (kompleks) yang terdiri daripada beberapa masjid dan pusat kemasyarakatan. Keseluruhan kawasan tersebut diberkati Allah SWT. Namun, ramai dalam kalangan umat Islam yang masih keliru dengan beberapa fakta asas mengenai Masjid al Aqsa yang mulia ini. Berikut merupakan beberapa fakta tentangnya;



Masjid yang mempunyai kubah berwarna kuning keemasan ini ialah Masjid Qubbah al-Sakhra' atau Dome of the Rock yang juga dipanggil sebagai Masjid Kubah Batu. Ia juga dipanggil sebagai Masjid al-Nisa' (Masjid Wanita) kerana kerap digunakan oleh para jemaah wanita pada waktu sekarang. Bangunan masjid ini telah dibina oleh Khalifah Abdul Malik Bin Marwan pada tahun 69-75 Hijrah dan ianya adalah sebahagian daripada keseluruhan kompleks Masjid al-Aqsa

Masjid yang berkubah hijau tua ini namanya ialah Masjid Qibli atau Masjid Jum'ah (kerana digunakan sebagai masjid utama ketika solat Jumaat) meskipun ada sebahagian kecil orang yang memanggilnya sebagai Masjid al-Aqsa. Masjid Qibli ini juga adalah sebahagian daripada keseluruhan kompleks Masjid al Aqsa.



Masjid al-Aqsa (Haram al-Syarif) adalah keseluruhan kawasan (kompleks) yang dikelilingi oleh tembok yang dibina. Ianya meliputi Masjid Qubbah al-Sakhra', Masjid Qibli, Masjid 'Umar, Musolla Marwani dan lain-lain. Bahkan kawasan yang dikelilingi oleh pepohon zaitun itu juga dikira sebagai sebahagian daripada Masjid al-Aqsa.



Fi Sabillah ﴿سَبِيلِ اللّٰهِ﴾ Pada Jalan Diredai Allah


Kerja- kerja yang kita buat ini mesti kita mengikut sabillah (jalan Allah) tidak sabihu syaitan (jalan syaitan). Inilah kesimpulan ayat kita pagi ini;

”وَتُجَاهِذُونَ فِي سَبِيلِ اللهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ“

Dan kamu mesti bekerja keras kerana Allah melalui harta dan melalui jiwa raga. Jiwa raga yang ada pada kamu mestilah guna sepenuhnya untuk Allah; dan harta benda Aku beri kepada kamu mestilah guna sepenuhnya untuk Allah SWT. Allah Taala sebut dua perkara ini jah iaitu harta dan jiwa raga; kerana harta dan jiwa raga inilah benda hok manusia paling sayang sekali. Dan manusia bila sayang kepada dua perkara ini, dia akan guna sepenuhnya untuk diri dan tidak guna untuk Allah, sedangkan kita (manusia) diajar supaya fi sabillah; jihad fi sabillah. Harta baik, kita mengajar, belajar dan mengaji, kita memangkah, kita berkempen, kita berkerajaan, kita bekerluarga, kita berbini, kita beranak, kita bercerai; biar tentu kerana Allah Taala, tidak kerana syaitan. Barulah di akhirat kelak Tuhan ganti dengan يَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ - Tuhan ampunkan dosa-dosa kamu semua.



**IMBAS QR CODE
UNTUK TONTON VIDEO**



Qana'ah Peribadi Muslim

Setiap Muslim perlu memiliki sifat qana'ah dalam diri. Qana'ah dari sudut bahasa membawa maksud reda. Manakala menurut istilah ialah berasa cukup dan reda dengan nikmat kurniaan Allah SWT. Seseorang yang telah memiliki sifat qana'ah dalam hidupnya akan selalu dipenuhi oleh rasa syukur di dalam hatinya. Setiap sesuatu dan usaha yang dilakukan akan sentiasa membawa hasil yang setimpal. Sifat inilah yang seharusnya diterapkan dalam diri setiap umat Islam.

Antaranya kelebihan sifat qana'ah ini adalah selalu berasa cukup dan reda atas segala rezeki yang telah Allah SWT berikan sehingga seseorang itu tidak akan mengeluh atas segala usaha yang telah dilakukan. Hal ini sebagaimana yang terdapat dalam sebuah hadis dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

"Lihatlah orang yang berada di bawah kamu dan jangan melihat orang yang berada di atas kamu kerana itu adalah yang terbaik agar kamu tidak memandang rendah nikmat Allah yang telah dikurniakan kepada kamu." (Riwayat Muslim).

Sifat qana'ah ini perlu difahami dan dihayati dengan sepenuhnya agar seseorang itu sentiasa berusaha, berikhtiar dan juga terus bertawakal atas hasil yang diperoleh dari setiap usahanya. Selain itu, sifat qana'ah ini juga menjadikan seseorang tidak lalai dan sentiasa bersyukur atas kurniaan harta bahkan sentiasa menjauhkan diri dari sifat tamak. Namun, harus difahami bahawa Islam tidak menyekat umatnya berusaha bersungguh-sungguh mencari rezeki (harta benda). Bahkan Islam menggalakkan umatnya untuk mencari rezeki yang halal dan dibelanjakan ke jalan yang baik.

Selain itu, qana'ah juga menjadikan seseorang itu berasa bahawa dirinya sangat beruntung. Hal ini kerana orang yang bersifat qana'ah tidak akan pernah sekalipun merasa kekurangan bahkan mereka akan selalu berasa cukup dengan apa yang diberikan. Hal ini sebagaimana dinyatakan dari Abdullah bin Amr bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sungguh sangat beruntung orang yang telah masuk Islam, diberikan rezeki yang cukup dan Allah mengurniakan sifat *qana'ah* (berasa puas) dengan apa yang diberikan kepadanya." (Riwayat Muslim)


Seterusnya, Sifat *qana'ah* akan menghindarkan dan menjauhkan diri seseorang dari perasaan hasad dengan dengki hati kepada orang yang lain. Hal ini demikian kerana mereka sentiasa berasa cukup atas segala yang dimilikinya. Ia juga dapat melatih setiap Muslim supaya menghindarkan diri daripada sifat tamak, sompong dan juga kedekut. Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda;

"Umatku akan ditimpai penyakit berbagai umat-umat terdahulu." Para sahabat berkata, "Wahai Rasulullah, apa saja penyakit umat-umat (terdahulu)?" Rasulullah berkata, "Kufur Nikmat, menyalahgunakan nikmat, saling berlumba-lumba untuk mendapat habuan dunia, saling berbuat najsy (menaikkan harga untuk menipu pembeli) saling memusuhi, dan saling dengki-mendengki hingga timbulnya sikap melampaui batas (kezaliman)." (Riwayat Hakim).

Disamping itu, *qana'ah* juga dapat melatih diri dan mengawal hawa nafsu daripada berbelanja secara berlebih-lebihan serta membeli barang yang tidak perlu. Sebagai contoh, banyak berbelanja membeli makanan sehingga tidak habis dimakan. Oleh itu, sifat *qana'ah* ini haruslah disemai dalam diri setiap individu kerana ianya boleh mengawal hawa nafsu dan berhemah ketika berbelanja.

Kesimpulannya, sifat *qana'ah* merupakan sifat yang mulia kerana dapat menjadikan diri sebagai seorang hamba Allah SWT yang sentiasa bersyukur, berpuas hati dengan segala kurniaaNya dan menggalakkan setiap umat Islam untuk terus berusaha untuk mendapatkan rezeki yang lebih baik dan berkat.

Qana'ah Peribadi Muslim



PESAN قسان

Tok Guru

تؤے گورو

PALESTIN

“Sepasang selipar pun tidak boleh dirampas dari tuannya yang asal. Apatah lagi jika sebuah negeri yang berdaulat seperti Palestin. Tidak masuk akal sama sekali bagaimana PBB (Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu) boleh membahagi-bahagikan tanah rakyat Palestin kepada Israel yang langsung tidak berhak ke atas tanah tersebut.”



Daripada Abu Umamah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا ترَأْ طَائِفَةٌ مِّنْ أَمَّتِي عَلَى الدِّينِ ظَاهِرِينَ ، لَعْدُوهُمْ قَاهِرِينَ ، لَا يُضْرِبُهُمْ مَنْ خَالَفُهُمْ ؛
إِلَّا مَا أَصَابَهُمْ مِّنْ لَوْاءٍ حَتَّىٰ يَاتِيهِمْ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ كَذِلِكَ . قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، وَأَيْنَ
هُمْ ؟ قَالَ : بِبَيْتِ الْمَقْدِسِ وَأَكْنَافِ بَيْتِ الْمَقْدِسِ

Maksudnya:

“Akan sentiasa wujud sekumpulan daripada umatku yang terus menegakkan agama (kebenaran) dan tegas mendepani musuh. Tidak ada yang dapat memudaratkan perjuangan mereka walaupun dipinggirkan dan dirintangi kesusahan; melainkan semua itu hanyalah ujian, sehingga datang ketentuan Allah (hari kiamat) dan mereka akan tetap sedemikian”. Sahabat bertanya, “Ya Rasulullah, di manakah mereka itu?” Baginda menjawab, “Mereka berada di Baitul Maqdis dan di kawasan sekitar Baitul Maqdis”. (HR Ahmad)

DOA

“Senjata bagi seorang mukmin ialah doa. Amatlah pelik bagi seseorang yang mempunyai senjata tetapi tidak pernah digunakan untuk melawan musuh. Justeru, banyakkanlah berdoa dan menyuarakan hasrat kepada Allah SWT khususnya di waktu dinihari.”

Nabi SAW bersabda:

الدُّعَاءُ سِلَاحُ الْمُؤْمِنِ، وَعِمَادُ الدِّينِ، وَنُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya: “Doa adalah senjata orang beriman, tiang agama dan cahaya langit-langit dan bumi.” (Riwayat Hakim)

Sana-Sini IPTG



**12 Oktober 2023
26 Rabiul Awal 1445H**

Kunjungan Prof Dato'
Dr Mazliham, Presiden
Ke MMU Ke IPTG



**4-6 Oktober 2023
18-20 Rabiul Awal 1445H**

Kursus Penerapan
Kefahaman 'Ubudiyah,
Mas'uliyyah Dan Itqan
(Siri II)



**28 Oktober 2023
13 Rabiul Akhir 1445H**

Majlis Graduasi Sijil
Pengajian Islam IPTG
Sesi 2021/2022



**23 November 2023
9 Jamadil Awal 1445H**

Kunjung Hormat
Delegasi Akademi
Kepimpinan Balqis Ke
Pejabat Pengarah
Institut Pemikiran Tok
Guru (IPTG)

Sana-Sini IPTG



20 November 2023
6 Jamadil Awwal 1445H

Sidang Meja Bulat
Penghayatan
Membangun Bersama
Islam



19 November 2023
5 Jamadil Awwal 1445H

Mesyuarat Ahli
Lembaga IPTG Kali
Ke-3



25 November 2023
11 Jamadil Awal 1445H

Ziarah Ulama'



18 Oktober 2023
3 Rabiul Akhir 1445H

Lawatan Pelajar
Thailand



2024

سلامت تاهون بارو

SELAMAT TAHUN BARU